

05 JANUARI 2018

Dua penuntut kolej swasta aktif mengedar dadah dicekup

Dua penuntut kolej swasta aktif mengedar dadah dicekup



DADAH yang dirampas daripada dua suspek ketika serbuan di sebuah rumah di Jalan Stutong, Kuching kelmarin.

KUCHING - Tindakan dua penuntut sebuah kolej swasta di sini yang mengaut keuntungan lumayan dengan menjalankan kegiatan pengedaran dadah terbongkar selepas mereka ditahan dalam serbuan di sebuah rumah di Jalan Stutong di sini kelmarin.

Kedua-dua suspek berusia 19 dan 20 tahun itu ditahan sepasukan anggota polis dari Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN), Ibu Pejabat Polis Kontinjen Sarawak pada pukul 2.30 petang.

Ketua JSJN Sarawak, Superintendan Sahar Abd. Latif berkata, hasil serbuan di ru-

mah suspek menemui satu bekas plastik mengandungi dadah jenis ketamin seberat 18.8 gram serta pil ekstasi seberat 114 gram yang diletakkan di atas lantai berhampiran sebuah tilam.

"Pemeriksaan lanjut menemui paket plastik warna perak masing-masing berisi campuran jus buah-buahan dan serbuk ekstasi seberat 162 gram dan pil erimin 5 seberat 78.50 gram.

"Nilai keseluruhan dadah yang dirampas dianggarkan sebanyak RM37,520 dan polis turut merampas wang tunai berjumlah RM1,208 daripada suspek dipercayai hasil kegiatan

haram tersebut," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Mengulas lanjut, Sahar memberitahu, siasatan awal mendapati, suspek berusia 19 tahun merupakan penuntut jurusan kejuruteraan mekanikal, manakala seorang lagi dalam bidang sains komputer.

Katanya, kedua-dua suspek juga telah mengaku mengedar dadah sejak pertengahan tahun lalu dan tiada rekod jenayah lampau.

"Polis turut merampas masing-masing sebuah kereta Perodua Kelisa dan motosikal Yamaha R2 daripada kedua-dua suspek," jelasnya.